

Koleksi Penulisan 10 Tahun UMS

1994 - 2004

SEMPENA ULANGTAHUN KESEPULUH UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disusun Oleh
**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



ULANGTAHUN ke-10
Universiti Kebangsaan
1994 - 2004

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FALSAFAH

'Berkualiti Menerusi Teknologi Semasa'

VISI

Membina koleksi yang berkualiti dan kemudahan yang berkesan seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

MATLAMAT


- Menyediakan bahan dan maklumat untuk pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di Universiti serta untuk bacaan umum.
- Memberikan khidmat rujukan, rundingan, pinjaman dan pelbagai khidmat Perpustakaan kepada pelajar, pensyarah, penyelidik serta kakitangan am Universiti dan ahli luar Perpustakaan.
- Memasarkan maklumat dan perkhidmatan kepada masyarakat dalam dan luar kampus.
- Memupuk budaya membaca di kalangan masyarakat dalam dan luar Universiti untuk melahirkan masyarakat berilmu.

OBJEKTIF

Menyokong dan membantu aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dalam pelbagai bidang melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan sumber-sumber maklumat dan bahan bacaan kepada semua pengguna Perpustakaan sejajar dengan misi Universiti Malaysia Sabah

**KOLEKSI PENULISAN 10 TAHUN UMS
1994 – 2004**

**SEMPENA ULANGTAHUN KESEPULUH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



ULANGTAHUN ke-10
Universiti Berinovatif
1994 - 2004

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Disusun dan disunting oleh :
Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah**

**Universiti Malaysia Sabah
Beg Berkunci 2073
88999 Kota Kinabalu, Sabah**

© Universiti Malaysia Sabah, 2004

**Disusun dan disunting oleh
Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah**

Semua hak terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh disimpan atau diterbitkan semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara sekalipun termasuk cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman digital, tanpa mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, Beg Berkunci 2073,88999 Kota Kinabalu, Sabah.

Keizinan mendapat hak terbitan daripada hak cipta ini tertakluk kepada bayaran royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia DataPengkatalogan-dalam Penerbitan

Universiti Malaysia Sabah. Perpustakaan

Koleksi Penulisan 10 Tahun UMS, 1994-2004 : sempena Ulangtahun Kesepuluh Universiti Malaysia Sabah / disusun dan disunting oleh Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah.

Mengandungi indeks: ms.225

ISBN: 983-2643-53-8

1. Universiti Malaysia Sabah - Bibliography

2. Universiti Malaysia Sabah – Academic writing – Bibliography. 3. Research paper – Bibliographies.

I. Judul. II. Sabaruddin Mamat.

Z5055.M4U95 2004

Pereka Letak Halaman : Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah.

Pereka Kulit Buku : Sabaruddin Mamat

Editor : Sabaruddin Mamat, Dg. Rukiah Ag. Amit , Anna Michael, Zawawi Tiyunin, Sariady Jamanih, Muhammad Syafaruddin Mahali.

Muka Taip Teks : Times New Roman
Saiz taip Teks dan Leading : 10 / 16 poin.

Dicetak di Malaysia oleh



Sidang Penerbitan

Che Salmah Mehamood (*Pengerusi*)

Dg. Rukiah Ag. Amit (*Setiausaha*)

Sabaruddin Mamat (*Ketua Penyusun & Penyunting*)

Penyusun dan Penyunting :

**Dg. Rukiah Ag. Amit , Sabaruddin Mamat, Anna Michael,
Zawawi Tiyunin, Sariady Jamanih, Muhammad Syafaruddin Mahali .**

Dibantu Oleh :

Rowena Ismail, Miah Abdul Rahman, Jamaidah Yahya,

Danan Masalleh, Emylia Sabtu

Jamiun Michael, Mohd Sazali Salleh .

KANDUNGAN

	Mukasurat
Seulas Pinang	ix
Sekapur Sirih	x
Tahun 1994	1-6
Tahun 1995	7-17
Tahun 1996	19-33
Tahun 1997	35-48
Tahun 1998	49-66
Tahun 1999	67-102
Tahun 2000	103-128
Tahun 2001	129-154
Tahun 2002	155-171
Tahun 2003	173-202
Tahun 2004	203-223
Indeks Pengarang	225-233

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah kerana telah berjaya menghasilkan sebuah penerbitan bersempena perayaan menyambut hari ulangtahun penubuhan Universiti Malaysia Sabah yang kesepuluh pada tahun ini. Penerbitan yang dimaksudkan itu ialah "*Koleksi Penulisan 10 Tahun UMS, 1994-2004*".

Penerbitan ini mengandungi senarai bibliografi bahan-bahan penulisan kakitangan UMS dan juga bahan-bahan mengenai UMS sepanjang 10 tahun penubuhan UMS. Ia merangkumi bahan-bahan buku, bahan bersiri, artikel, kertas kerja, prosiding, teks ucapan, keratan akhbar dan juga bahan-bahan multimedia.

Saya amat berharap semoga dengan adanya bahan penerbitan ini maka ia akan dapat menjadi sebahagian daripada sumber rujukan atau panduan kepada para pensyarah serta para penyelidik di dalam mahupun di luar universiti. Saya juga berharap agar pihak Perpustakaan akan meneruskan usaha untuk menghasilkan bahan-bahan penerbitan sedemikian pada masa-masa yang akan datang bagi membantu UMS mencapai matlamatnya.

Sekali lagi tahniah dan syabas kepada pihak Perpustakaan.



YBhg Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah

SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Pertama sekali saya memanjatkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Ilahi dan berterima kasih kepada semua kakitangan Perpustakaan UMS yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kerana telah berjaya menghasilkan sebuah penerbitan berjudul "*Koleksi Penulisan 10 Tahun UMS, 1994-2004*" bersempena dengan ulangtahun kesepuluh penubuhan Universiti Malaysia Sabah pada tahun ini.

Penerbitan ini mengandungi senarai bibliografi bahan-bahan penulisan kakitangan UMS dan juga bahan-bahan mengenai UMS sepanjang 10 tahun penubuhan UMS. Senarai bahan di dalam penerbitan ini dibahagikan secara kronologi mengikut tahun terbitan bahan (1994 – 2004) dan di bawah setiap tahun terbitan tersebut ianya disusun mengikut abjad nama pengarang atau judul bahan berkenaan. Ia mengandungi 1,810 judul bahan dalam berbagai bentuk dan format iaitu 118 judul buku, 16 judul bahan bersiri, 675 judul artikel jurnal dan buku, 381 judul kertas kerja dan prosiding, 104 teks ucapan, 502 keratan akhbar dan juga 14 bahan-bahan multimedia. Susunan entri bahan ini dibuat berdasarkan gaya format Modern Language Association (MLA). Di samping itu, penerbitan ini juga ada menyediakan indeks pengarang untuk kemudahan pengguna. Indeks ini hanya dikhususkan kepada pengarang di kalangan warga UMS sahaja.

Sesungguhnya, penerbitan sulung ini cukup bermakna kepada Perpustakaan khususnya dan UMS amnya kerana ianya akan dapat menjadi titik tolak kepada pihak Perpustakaan untuk meneruskan lagi usaha bagi menghasilkan penerbitan seumpama ini pada masa yang akan datang. Dan semoga bahan penerbitan ini akan menjadi sebahagian daripada bahan rujukan di kalangan para pelajar, tenaga akademik dan juga para penyelidik di dalam mahupun di luar universiti ini.

Sebagai usaha sulung maka sudah tentunya terdapat kelemahan di sana sini. Maka pihak Perpustakaan memohon maaf jika terdapat sebarang kesalahan atau kekurangan di dalam penerbitan ini dan bersedia menerima teguran dan nasihat yang membina demi meningkatkan kualiti penerbitan pada masa hadapan.

Akhir sekali saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Sekolah, Pusat, Institut dan Unit serta juga para pensyarah dan individu yang telah memberikan kerjasama di dalam pengumpulan bahan sehinggalah penerbitan ini dapat dihasilkan.



Puan Che Salmah Mehamood
Ketua Pustakawan
Universiti Malaysia Sabah